

22/12/2003

Dr M diiktiraf Bapa Pemodenan

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata satu-satunya cara menunjukkan penghargaan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad ialah menguruskan dengan cara terbaik semua pencapaian bekas Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri yang mengiktiraf Dr Mahathir sebagai Bapa Pemodenan Malaysia berkata, kita perlu menguruskan kejayaan kita sebaik mungkin untuk generasi masa depan.

"Itu cara terbaik memelihara legasinya (Dr Mahathir) dan memastikan semua usaha dan pengorbanan beliau tidak sia-sia.

"Bagi pihak kerajaan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, Bapa Pemodenan Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis Jasamu Dikenang sempena persaraan Dr Mahathir di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini, malam tadi.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat ke majlis makan malam sebagai tanda penghargaan kerajaan atas sumbangan selama 22 tahun Dr Mahathir menerajui kerajaan.

Turut hadir, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menteri Kabinet, perwakilan dan duta besar ke negara ini, dan pegawai kanan kerajaan dan negeri.

Pada majlis itu, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menghadihkan persalinan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah. Abdullah kemudian menghadihkan cenderamata sebagai tanda terima kasih kerajaan kepada mereka berdua.

Dalam ucapannya Abdullah berkata, Dr Mahathir sering dilihat sebagai pemimpin yang berfikiran lima hingga 10 tahun jauh ke depan berbanding rakyat Malaysia lain dan ciri ini membolehkan beliau memacu Malaysia kepada kejayaan serta asas untuk kegemilangan.

"Cabaran sekarang adalah bagi penggantinya, bermula dengan saya, iaitu untuk meneruskan pencapaian dan kejayaan besar yang dicapai negara semasa di bawah kepimpinannya.

"Adalah menjadi satu penghargaan kepada saya meneruskan usahanya bagi membawa Malaysia ke mercu lebih tinggi," katanya.

Abdullah berkata, Perdana Menteri yang keempat itu adalah negarawan ulung yang mengabadikan dirinya bagi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Katanya, sejak mengambil teraju kerajaan pada 1981, Dr Mahathir mengubah Malaysia daripada negara dunia ketiga kepada negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia.

"Warisan dan pusaka yang ditinggalkan Dr Mahathir berada di mana saja kita melihat. Jasamu tidak terbalas tetapi akan sentiasa dikenang," kata Abdullah yang mengambil alih kepimpinan negara daripada Dr Mahathir awal bulan lalu.

Dalam ucapan balasnya Dr Mahathir berterima kasih atas penghormatan yang diberikan walaupun apa yang disumbangkannya kepada negara sebenarnya adalah kecil.

Dr Mahathir berkata, beliau bersyukur kerana diberikan masa selama 22 tahun untuk melaksanakan dasar dan rancangan sehingga berjaya.

"Segala dasar kerajaan yang dibuat oleh kita tidak akan berjaya tanpa masa untuk menjayakan rancangan ini," katanya.

Sehubungan itu Dr Mahathir berkata, penggantinya Abdullah harus diberikan masa untuk merealisasikan semua rancangan dan dasarnya sehingga berjaya.

"Saya yakin dia akan diberi masa dan diberikan peluang secukupnya dan dibantu rakan dalam Kabinet dan pegawai pentadbir negara supaya segala rancangan yang dicadangkan dan diluluskan Kabinet dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Tiada sesuatu yang dapat dilakukan overnight. Hari ini buat keputusan, esok menjadi. Kita bukan tuhan. Kita manusia biasa dan kita perlu masa dan berilah masa kepada pemimpin yang dipilih oleh kita untuk memimpin negara ini," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menyatakan rasa terharu atas penghargaan kerajaan Malaysia yang mengadakan majlis Jasamu Dikenang itu.

"Saya berpendapat bahawa jasa saya tidak sebegitu... ia tidak mungkin mencapai kejayaan tanpa kerjasama semua pihak yang sama-sama menjayakan negara kita.

"Jika tidak kerana adanya ahli jemaah menteri yang memberikan sokongan kepada rancangan dan idea dan jika tidak ada pegawai dan kakitangan yang mampu melaksanakan rancangan yang dilaksanakan negara, tidak mungkin negara ini mencapai kejayaan," katanya.

Beliau juga menyatakan penghargaan kepada golongan pentadbir yang meneruskan sikap profesionalisme dan kesetiaan kepada kepimpinan walaupun ada perubahan.

"Kita boleh berbangga kerana sikap profesional di kalangan pentadbir membolehkan pertukaran ini dijalankan secara licin dan pentadbiran negara tidak terganggu," katanya.